



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/5/2019	MUKA SURAT	:	40
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



VIDEO tular mengenai tapir yang tersesat dan berlari di Taman Pertang.

Tapir sesat masuk taman

■ Perhilitan siasat haiwan dilindungi berkeliaran dipercayai mencari makan

Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

Jelebu

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan akan menjalankan siasatan berhubung penularan video mengenai seekor tapir tersesat dan berlari di Taman Pertang di sini, kelmarin.

Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun berkata, walaupun video itu tular di aplikasi WhatsApp, tetapi pihaknya belum menerima aduan rasmi daripada penduduk di taman perumahan terbabit.

Menurutnya, penduduk di kawasan berkenaan diminta tidak mencederakan haiwan itu sekiranya benar ia ber-

“**Saya berpendapat, tapir itu memasuki taman ini disebabkan Hutan Pertang kini semakin terancam. Kerana habitat mereka terganggu, ia keluar mencari makan di sini**”

Wong

keliaran di kawasan terbabit.

“Pihak kami akan turun ke lokasi bagi mengesahkan kehadiran tapir terbabit. Jika benar kejadian berlaku, haiwan ini akan dipastikan pulang ke habitat asal,” katanya.

Menurut Wan Mat, pihaknya percaya tapir itu memasuki penempatan penduduk mencari makan.

Katanya, tapir adalah spesies yang dilindungi mengi-

kut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, Akta 716 Tahun 2010 bagi Jadual 2.

“Menjadi kesalahan jika mana-mana individu mencederakan atau memburu haiwan terbabit. Penduduk diminta menghubungi Perhilitan sekiranya terlihat haiwan itu berkeliaran,” katanya.

Seorang penduduk kawasan berkenaan yang mahu dikenali sebagai Wong, 52, berkata, dia terkejut melihat tapir itu melintasi rumahnya kira-kira jam 3 petang.

Menurutnya, haiwan itu berlari di kawasan taman dipercayai mahu mencari makan dan dianggarkan seberat 200 kilogram.

“Saya berpendapat, tapir itu memasuki taman ini disebabkan Hutan Pertang kini semakin terancam. Kerana habitat mereka terganggu, ia keluar mencari makan di sini,” katanya.